



Kelawar Petang Palsu Sederhana

Heperopthenus doriae

Doria's False Serotine

Famili: Vespertilioninae

Ciri-ciri

Bahagian atas dan bawah badan berwarna gelap, manakala bibir, kelopak mata dan telinganya pula berwarna oren. Selaput terban berwarna coklat gelap. Rahang atas cuma mempunyai satu gigi geraham kecil. Gigi kacip pertama adalah lebih besar dari gigi yang kedua, dan berbentuk kon serta terletak ke dalam dari tempat sebenarnya.

Taburan

Merupakan spesies yang jarang ditemui. Pernah direkodkan di Ulu Gombak, Hutan Simpan Ayer Hitam dan Sarawak.